

Ruj. Kami: (46) MBPJ/090100/T/M13 Jld 5
Tarikh: 3 April 2012

Nurul Farina Nazlan
Pengarang Berita,
Berita Harian Sdn Bhd
Balai Berita, 31 Jalan Riong
Bangsar, 59100 Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

MAKLUM BALAS KENYATAAN AKHBAR “MBPJ GAGAL TANGANI HAKISAN”

Adalah dengan segala hormatnya merujuk kepada artikel bertajuk seperti di atas yang telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian, muka surat N2 bertarikh 4 April 2012.

Ingin dijelaskan bahawa pihak Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menjalankan siasatan dan mendapati kawasan berlakunya hakisan tersebut ialah sebuah longkang besar dan bukannya sungai seperti yang dinyatakan oleh pengadu iaitu En Basir Baba.

Majlis juga mendapati kebanyakan rumah dikawasan tersebut membuat penyambungan tanpa mendapat kelulusan atau kebenaran daripada Majlis terlebih dahulu dan penyambungan yang dilakukan juga telah melepasi had reserve longkang yang dibenarkan.

Majlis juga mendapati hasil penyambungan yang dilakukan itu juga telah menyebabkan berlakunya hakisan. Majlis juga tidak dapat berbuat apa-apa tindakan berikutan kecuaiian yang dilakukan oleh penduduk dikawasan tersebut. Pihak Majlis menyarankan agar penduduk yang ingin membuat penyambungan atau pengubahsuaian rumah hendaklah mendapatkan kebenaran atau kelulusan daripada pihak Majlis terlebih dahulu.

Adalah diharapkan dengan kenyataan yang dikeluarkan ini dapat membetulkan segala kecelaruan dan kesulitan yang telah timbul.

Sekian, di maklumkan, terima kasih.

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Saya yang menurut perintah,

(ZAINUN BT. ZAKARIA)
Pegawai Perhubungan Awam,
b/p Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.